

Cadangan Bantuan Zakat Asnaf *Al-Riqab* Dan *Fi Sabilillah* terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian di Penjara Wanita Kajang, Selangor

Hairunnizam Wahid¹
Sanep Ahmad²
Khairani Ishak³
Ima Mardhiyah Dawi Cahyono⁴
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji sikap banduan di penjara yang juga dibelenggu dengan masalah moral dan juga sosial dengan mengkaji beberapa aspek; iaitu (1) mencadangkan bantuan modal zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam memulihkan sikap bekas banduan setelah keluar daripada penjara (2) mencadangkan bantuan zakat melalui program latihan vokasional di penjara. Seramai 105 orang banduan wanita dari Penjara Wanita Kajang Selangor telah dianalisis dalam kajian ini dan data dianalisis menggunakan regresi logistik. Hasil kajian mendapati wujud perubahan sikap yang positif di dalam diri tahanan setelah mereka menjalani proses pemulihan dan latihan vokasional di penjara. Kajian juga mendapati majoriti responden daripada bengkel Amanah amat berminat untuk membuka perniagaan sendiri dengan bantuan modal zakat dan mengharapkan bimbingan berterusan daripada pihak LZS. Kajian ini dilihat amat bermanfaat kepada LZS di dalam mempelbagaikan bentuk pengagihan dana zakat dan secara tidak langsung mengharapkan keberkatan zakat terhadap proses mendidik jiwa golongan ini menjadi insan yang lebih berguna, amanah dan bertanggungjawab serta dapat meneruskan kehidupan disamping menyesuaikan diri dengan masyarakat. Beberapa implikasi kajian turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata Kunci: Asnaf *al-riqab*, Perubahan sikap banduan, bantuan modal zakat

ABSTRACT

The study examines the attitudes of prisoners in jail who are plagued with moral and social problems by studying several aspects; namely (1) the proposed zakat fund by the Zakat Zakat Selangor (LZS) in restoring ex-prisoners attitude after getting out of prison (2) of the proposed zakat fund through vocational training programs in prisons. A total of 105 female prisoners of Kajang Women's Prison in Selangor have been analyzed in this study and all data were analyzed using logistic regression. The study found a significant positive change in attitude within prisoners after they undergo rehabilitation and vocational training in prisons. The study also found that the majority of respondents from Bengkel Amanah are keen to start their own businesses with the assist of zakat institution and aim for the continued guidance from LZS. This study appears to be very helpful to the LZS in diversifying the forms of distribution of zakat funds and indirectly expect the barakah of zakat fund towards the process of educating the soul of this group that finally transform them to be a good citizens, trustworthy, responsible and able to survive and could socialize with the society. Some implications are also discussed in this study.

Keywords: Asnaf *al-Riqab*, prisoner's attitude change, zakat capital

¹ Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; email: hairun@ukm.edu.my

² Prof Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; email: nep@ukm.edu.my

³ Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM; email: khairani@prison.gov.my

⁴ Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM; email: imamardhiyah@gmail.com

PENGENALAN

Definisi asnaf di bawah kategori *al-riqab* perlu diperluaskan lagi memandangkan banyak tumpuan bantuan zakat oleh institusi zakat hanya tertumpu kepada asnaf fakir dan miskin serta *fi sabilillah*. Perluasan definisi ini perlu seiring dengan perkembangan semasa terutamanya dalam melepaskan belunggu manusia bukan sahaja dalam aspek hamba sahaya seperti perbincangan tradisional teori agihan zakat malah perlu juga meliputi aspek belunggu lain yang telah dikenalpasti oleh kebanyakan institusi zakat seperti penagihan dadah dan gejala sosial. Namun kajian ini mencadangkan agar skop kategori asnaf ini diperluaskan lagi kepada banduan di penjara yang juga dibelunggu dengan masalah moral dan juga sosial. Beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh pihak institusi zakat dalam memberi batuan zakat terhadap banduan. (1) Bantuan ketika proses pemulihan akhlak dan moral di penjara untuk menjadi warga yang baik; (2) Bantuan selepas selesai menjalani hukuman di penjara iaitu mendepani masyarakat dan memulihkan hubungan kemasyarakatan dan tahap ekonomi bekas banduan agar dapat mengekalkan diri menjadi warga yang baik. Ini merupakan satu cabaran yang agak besar kerana kajian banyak menunjukkan banduan ini cenderung kembali menjadi penjenayah. Justeru satu kajian yang komprehensif perlu ada untuk mengkaji sikap banduan di penjara yang sedang menjalani program pemulihan di penjara khususnya melalui program latihan vokasional dan juga sikap banduan yang ingin meneruskan kehidupan selepas mereka keluar daripada penjara kelak. Satu pengkajian kemungkinan bekas banduan yang ingin menjadi usahawan selepas keluar dari penjara melalui bantuan modal zakat perlu dikaji agar wujud kesinambungan kesan keberkatan zakat dalam memulihkan banduan secara lebih menyeluruh dan holistik. Ini akhirnya akan menzahirkan keberkesanan agihan zakat dimana indikatornya adalah bekas banduan ini disasarkan menjadi warga yang baik melalui aktiviti keusahawanan. Kajian ini mencadangkan bantuan modal zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam memulihkan sikap banduan dalam dua aspek. (1) bantuan zakat melalui program latihan vokasional di penjara. (2) bantuan modal zakat kepada bekas banduan yang berminat menjadi usahawan setelah keluar daripada penjara. Kajian ini amat penting dan bermanfaat kepada LZS di dalam mempelbagaikan bentuk pengagihan dana zakat dan secara tidak langsung mengharapkan keberkesanan zakat terhadap proses mendidik jiwa golongan ini menjadi warga yang lebih bertanggungjawab dan dapat meneruskan kehidupan disamping menyesuaikan diri dengan masyarakat.

Perlu dijelaskan bahawa salah satu peranan utama Jabatan Penjara Malaysia ialah memberi pemulihan kepada banduan semasa mereka menjalani hukuman supaya mereka menjadi rakyat yang berguna dan bertanggungjawab apabila kembali ke pangkuan masyarakat. Oleh itu, antara inisiatif jabatan adalah melalui aktiviti pemulihan, vokasional, keagamaan dan latihan fizikal supaya dapat memulihkan semula banduan agar dapat kembali kepada masyarakat sebagai warganegara yang lebih berguna dan produktif.

Kesemua program yang dijalankan tersebut mempunyai tujuan dan matlamat yang tersendiri namun matlamat yang lebih utama adalah dalam membentuk keperibadian tahanan tersebut supaya menjadi insan yang lebih baik dan positif selepas dibebaskan nanti. Justeru itu, program-program pemulihan seperti kelas keagamaan dan ceramah dilihat mampu memulihkan jati diri tahanan selain mendidik jiwa ke arah kebaikan, namun begitu ia dilihat hanya bersifat sementara kerana golongan ini perlu diberi sesuatu aktiviti yang boleh digunakan sebagai bekalan untuk menempuhi dunia luar yang lebih mencabar. Oleh itu, kajian ini cuba merungkai dan melihat sejauh mana keberkesanan program latihan vokasional yang dijalankan oleh Pihak Penjara ini terhadap perubahan sikap banduan supaya menjadi warga yang lebih berguna dan produktif. Kajian ini juga melihat bagaimana program vokasional ini berjaya menimbulkan minat banduan terhadap bidang keusahawanan.

Program vokasional ini dikelaskan melalui tiga bengkel iaitu bengkel Perusahaan, bengkel Amanah dan bengkel Skim Usahasama. Bengkel Perusahaan ditubuhkan bagi memberi peluang kepada banduan yang baru masuk ke penjara dan belum mahir untuk mendapat latihan kemahiran asas serta akan dibayar gaji mengikut peringkat yang ditetapkan. Bengkel Amanah pula memberi peluang kepada banduan-banduan yang telah mempunyai kemahiran di dalam aktiviti vokasional dimana banduan yang menyertai bengkel ini mempunyai kemahiran yang lebih tinggi berbanding banduan yang menyertai bengkel perusahaan. Bengkel Skim Usahasama pula ditubuhkan dengan membuka peluang kepada pihak swasta untuk bekerjasama memberi latihan kepada banduan. Tujuan ditubuhkan bengkel ini adalah untuk mengatasi masalah menyediakan peluang latihan yang terhad kepada banduan memandangkan populasi mereka yang semakin meningkat serta kos latihan serta bahan input untuk dipasarkan yang agak tinggi. Di sini, bantuan dana zakat amat diperlukan bukan sahaja untuk menampung kos pengurusan latihan yang tinggi, malah mengharapkan keberkatan dana zakat dalam mengubah sikap banduan tersebut ketika menjalani latihan keusahawanan. Selain itu, ia juga dapat mendedahkan banduan-banduan kepada penggunaan teknologi yang lebih moden dan sesuai dengan perkembangan semasa. Ini akhirnya akan memudahkan institusi, organisasi atau syarikat memberi

peluang pekerjaan kepada banduan apabila banduan tersebut dibebaskan kelak. Walau bagaimanapun, kejayaan program latihan vokasional yang diperkenalkan di penjara sangat bergantung kepada pelaksanaan sesuatu rancangan latihan terhadap keusahawanan. Umpamanya program latihan vokasional ini akan dianggap berjaya sekiranya banduan dapat mengubah sikap, iaitu daripada negatif kepada positif terhadap keusahawanan, mempunyai tahap ciri-ciri keusahawanan yang tinggi serta mempunyai aspirasi yang positif terhadap keusahawanan. Justeru kajian ini lebih memfokuskan kepada peserta Bengkel Amanah dan Perusahaan yang menyertai program latihan vokasional untuk melihat sejauh mana keberkesanan program ini dapat mengubah sikap mereka seterusnya mendorong mereka untuk berminat menjadi usahawan apabila dibebaskan nanti. Persoalannya adakah program latihan vokasional ini berkernan mengubah sikap banduan menjadi warga yang baik dan seterusnya ingin mengubah diri dengan menjadi usahawan setelah mereka dibebaskan daripada penjara kelak. Persoalannya adakah banduan ini telah berubah sikap menjadi warga yang baik ketika menjalani latihan vokasional di penjara. Adakah mereka berminat menjadi usahawan setelah mereka keluar daripada penjara. Justeru kajian ini lebih memfokuskan kepada pandangan peserta yang menyertai bengkel amanah dan perusahaan untuk melihat sejauh mana kewujudan program ini dapat mengubah sikap mereka seterusnya mendorong mereka menjadi usahawan berjaya apabila dibebaskan nanti.

Selain itu, kajian ini juga ingin melihat sejauh mana golongan tahanan ini mahu meneruskan aktiviti keusahawanan apabila dibebaskan nanti dengan mencadangkan sumber pembiayaan dan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor. Bantuan zakat dilihat sangat penting terutama terhadap golongan tahanan ini yang boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-riqab* iaitu golongan yang bergelut untuk membebaskan diri dari membebaskan diri dari belenggu kejahilan dan maksiat (Mahadi & Wan Mohamad Khairul Firdaus, 2013). Namun kajian ini berpendapat definisi asnaf *al-riqab* adalah sesuai untuk banduan yang sedang menjalani proses hukuman untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu moral serta maksiat. Namun selepas banduan ini bebas, pendefinisian asnaf ini mungkin termasuk di bawah kategori *fi sabilillah* iaitu untuk membantu mereka mendapat kehidupan baru setelah selesai menjalani hukuman tersebut. Apa yang menariknya, bidang keusahawanan adalah sesuai dicadangkan kepada mereka berdasarkan peranan ia dalam pembentukan tamadun sejak zaman Rasulullah lagi khususnya pada awal kedatangan Islam. Rasulullah dan para sahabat sendiri telah membuktikan bahawa perniagaan merupakan sumber utama dalam menggerakkan ekonomi umat Islam. Selain itu, perniagaan yang dilakukan secara Islam adalah jauh lebih telus dan tidak mengandungi unsur-unsur terlarang seperti penipuan, judi, riba dan gharar dan ini bersesuaian dengan ayat al Quran yang bermaksud :

“ *Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba*” al-Baqarah (2):275

Kesinambungan kepada itu, keusahawanan juga dilihat merupakan penghubung antara peniaga dan masyarakat dan secara tidak langsung ia dapat mendidik golongan tahanan ini untuk bergaul dengan masyarakat supaya dapat menutup ruang dan peluang untuk mereka kembali melakukan jenayah lampau (Ab. Mumin & Suhaili, 2005). Golongan asnaf *al-riqab* ini telah disebut sebagai salah satu golongan penerima zakat di dalam Al-Quran, namun begitu golongan ini dilihat jarang disebut pada masa kini memandangkan terdapat sesetengah negeri yang tidak mengiktiraf golongan ini sebagai penerima zakat. Persoalan utama yang dibangkitkan dalam penyelidikan ini ialah selain daripada golongan asnaf fakir dan miskin yang sering mendapat bantuan daripada lembaga zakat, wujudkah peluang untuk golongan asnaf *al-riqab* ini untuk mendapat hak seperti asnaf miskin yang lain dalam usaha untuk memajukan diri mereka ke arah yang lebih baik dan positif.

KAJIAN LEPAS

Allah SWT telah meletakkan kedudukan asnaf *al-riqab* sebagai penerima zakat di dalam al-Quran. Jesteru itu, secara tidak langsung asnaf *al-riqab* menjadi salah satu asnaf dibawah kendalian institusi zakat. Dengan adanya *al-riqab* sebagai salah satu golongan yang berhak menerima zakat daripada lapan golongan asnaf tersebut maka ia telah menjadi salah satu penyelesaian untuk Islam dalam menghapuskan sistem perhambaan. Hal ini membuktikan bahawa Islam sentiasa mengangkat dan meraikan hak asasi manusia. Hakikatnya, sistem perhambaan tidak lagi terpakai pada zaman ini. Lalu pendefinisian *al-riqab* telah diperluaskan dan diperincikan bersesuaian dengan keadaan masa kini. Fatwa negeri Selangor telah memperuntukkan bahawa asnaf *al-riqab* adalah golongan yang terbelenggu dengan masalah sosial seperti terbelenggu dengan kes jenayah dan dadah (Mahadi & Wan Mohamad Khairul Firdaus, 2013). Oleh itu, golongan banduan dilihat selari dan sesuai dengan maksud ini. Jesteru itu, golongan ini dilihat perlu dibantu sekiranya mereka berminat untuk memajukan diri

selepas dibebaskan terutama yang ingin melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Terdapat pelbagai tafsiran mengenai pengagihan zakat kepada lapan golongan asnaf ini. Di Johor menurutnya pembahagian zakat hanya dibahagikan kepada tujuh golongan sahaja dengan tidak memasukkan asnaf *al-riqab* sebagai penerima kerana menganggap golongan hamba tidak lagi wujud pada masa kini. Di Melaka pula walaupun masih mengiktiraf golongan asnaf *al-riqab* sebagai penerima zakat namun tiada pengagihan yang dibuat untuk golongan ini pada tahun 2006 dan 2007 kerana beranggapan tafsiran ini sudah tidak sesuai. Seterusnya di Pulau Pinang Muzakarah Penetapan Dan Pengesahan Hukum Dan Dasar Agihan MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) bersetuju untuk tidak mengagihkan zakat kepada golongan *al-riqab* ini sebaliknya membataskannya kepada membebaskan hamba sahaja. Namun begitu, masih terdapat negeri-negeri yang menggunakan tafsiran kontemporari iaitu mengkategorikan asnaf *al-riqab* sebagai golongan yang bergelut untuk membebaskan diri dari belenggu kejahilan dan maksiat maka masih ada agihan diperuntukkan untuk golongan ini (Mahadi & Wan Mohamad Khairul Firdaus, 2013).

Selain itu, usaha proaktif perlu dilakukan oleh institusi zakat dengan mempelbagaikan kaedah agihan khususnya kepada bentuk bantuan yang produktif seperti bantuan modal untuk memulakan perniagaan. Sebelum ini, agihan zakat dalam bentuk bantuan modal perusahaan dan perniagaan telah mula diagihkan terutama kepada golongan asnaf fakir dan miskin yang berpotensi untuk maju, namun ianya terhad hanya kepada golongan yang layak dan memenuhi syarat tertentu sahaja. Golongan asnaf yang lain seperti mualaf, fisabilillah, ibnu sabil, *al-riqab* dan Al-Gharimin pula kurang diberi keutamaan berbanding golongan fakir, miskin dan amil. Ini kerana harta zakat ini diagih mengikut keutamaan dan berdasarkan lebih dan keperluan (Sanep, 2009). Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan bersetuju bantuan zakat diagihkan dalam bentuk modal dan menerima pembaharuan pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal dalam Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM). Penglibatan langsung institusi zakat dalam pemberian sumbangan modal ini amat diperlukan namun peratus kegagalan bantuan modal zakat juga agak tinggi (Rosbi, Sanep & Hairunnizam, 2008). Mekanisme agihan zakat di Selangor memberikan penekanan kepada lima program khusus iaitu program pembangunan sosial, program pembangunan pendidikan program pembangunan Institusi Agama, program pembangunan insan, dan program pembangunan ekonomi (Program Asnaf, 2010). Melalui program pembangunan ekonomi, bantuan disediakan dalam usaha membantu asnaf menjalani kehidupan yang seimbang sekaligus membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Bantuan yang disediakan berbentuk bantuan modal kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf yang berpotensi menjadi usahawan iaitu bantuan memulakan dan mengembangkan perniagaan. Asnaf yang menerima bantuan melalui konsep ini akan menjalani kursus pra kelulusan bantuan modal, kursus pengurusan perniagaan dan latihan kemahiran. Melalui kursus-kursus tersebut para asnaf akan didedahkan dengan asas-asas keusahawanan, asas-asas penyediaan penyata kewangan, pengoperasian serta pemasaran perniagaan (Sanep, 2009).

Bantuan modal ini dilihat telah berjaya membuka peluang baru untuk golongan asnaf di mana telah berjaya melahirkan usahawan disamping meningkatkan ekonomi ummah. Antaranya ialah Program Usahawan Asnaf yang dijalankan di Selangor yang memberi bantuan berupa modal dan aset kepada golongan asnaf fakir, miskin dan mualaf yang berpotensi menjadi usahawan. Selain Selangor, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang juga turut melaksanakan bantuan modal tersebut ditambah dengan menyediakan bengkel dan peralatan untuk golongan ibu tunggal menjana pendapatan melalui kemahiran yang dipelajari. Namun begitu, bantuan berupa modal ini pernah dibekukan seketika pada tahun 2010 berikutan tidak menampakkan sebarang kemajuan dari segi peningkatan ekonomi asnaf dan kemajuan perniagaan (Azman et. al, 2014). Terdapat beberapa kajian lepas membincangkan aspek program proses pemulihan banduan, terutamanya membincangkan tentang tahap keberkesanan latihan vokasional bagi tujuan menghasilkan banduan yang boleh hidup berdikari (Siti Zabedah; 2007; Siti Sarah, 2008; Azizi Yahaya & Jesmin, 2011; M. Rashid & M. Fa'iz, 2011; Khairani et. al, 2015) termasuklah perubahan sikap serta pembentukan semula personaliti diri dengan harapan untuk diterima bekerja apabila dibebaskan kelak. (Zainuddin & Farhana, 2008). Proses pemulihan berasaskan latihan vokasional adalah antara pendekatan yang diaplikasikan di setiap penjara bagi memastikan banduan dapat memulakan kehidupan baru selepas dibebaskan (Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi). Pengalaman dan kemahiran yang diperolehi disamping perubahan tingkah laku yang positif amat berguna bagi banduan kembali menyertai masyarakat setelah dibebaskan (Wan & Najibah, 2012).

Antara isu yang sering dibangkitkan adalah berkait rapat dengan masalah yang belum selesai seperti isu stigma masyarakat terhadap bekas banduan (Khairani et. al, 2015) dan kesukaran untuk mendapat pekerjaan mendorong mereka kembali melakukan jenayah dan kesalahan lampau. Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah memberi sokongan dan bantuan modal kepada bekas

banduan untuk memulakan perniagaan (Zainuddin & Farhana, 2008; Khairani et. al, 2015) kerana aktiviti keusahawanan dilihat mampu menjadi penghubung antara peniaga dan masyarakat. (Ab. Mumin & Suhaili, 2005). Antara kajian dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi bidang keusahawanan telah dilakukan oleh Buerah et al (2012), Fauzilah et. al (2011) dan Hassan (2007) yang memberi tumpuan kepada faktor sosio demografi dan faktor sokongan. Faktor demografi seperti pengalaman berniaga, pendidikan dan latihan keusahawanan adalah antara faktor yang signifikan terhadap kerjaya sebagai usahawan. (Buerah et al, 2012). Disamping itu, faktor motivasi, faktor sikap, dan faktor kemahiran menjadi faktor terpenting dalam mempengaruhi seseorang menjadi seorang usahawan (Hassan, 2007).

Pengalaman dan kemahiran keusahawanan adalah antara faktor seseorang untuk menjadi usahawan. (Davidson, 1995). Disamping pendidikan, pengalaman juga dikenal pasti sebagai faktor penting untuk menghasilkan kejayaan (Zaidatol & Habibah, 1998). Disamping itu, terdapat perkaitan antara tempoh pengalaman berniaga dengan kejayaan usahawan (Rosbi & Sanep, 2011) iaitu semakin lama tempoh menceburi perniagaan, semakin tinggi kemungkinan untuk berjaya. Menurut kajian Fadila dan Dzuki (2009) pengalaman latihan daripada kursus dan bengkel keusahawanan yang ditawarkan oleh pihak universiti berhubung positif terhadap minat pelajar untuk mengaplikasikan subjek teknikal yang mereka pelajari menjadi sebagai servis atau produk perniagaan mereka kelak. Sikap merupakan satu nilai abstrak dan subjektif (Hassan, 2007). Sikap positif membolehkan seseorang usahawan itu berjaya dan bertahan lama dalam perniagaannya. Proses pembentukan personaliti di dalam penjara memberi tumpuan terhadap pembentukan semula akhlak dan sikap banduan supaya tidak mengulangi kesalahan lampau. Kajian Rashid dan Fa'iz (2011) yang dilakukan terhadap pelatih pusat serenti di Pusat Serenti Tampoi mendapati, responden berjanji untuk mengamalkan tingkah laku yang baik dan akan berusaha untuk menjadi individu yang baik. Selain itu, kajian Azizi Yahya (2011) mendapati program keagamaan berada di tahap yang tinggi dalam erti kata lain, program ini memberi kesan kepada tahanan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur menjadi insan yang lebih positif.

Terdapat banyak kajian mendapati latihan vokasional yang banduan sertai mendorong mereka menjadi seorang usahawan selepas dibebaskan kelak iaitu Rashid dan Fa'iz (2011), Zainuddin dan Farhana(2008), Siti Sarah(2008) dan Khairani et. al. (2015). Kajian tersebut telah merumuskan banduan mempunyai cita-cita untuk menjadi usahawan atas sebab beberapa tujuan iaitu (1) lebih selesa untuk bekerja sendiri, (2) meningkatkan taraf kehidupan dan menyara keluarga serta (3) ingin bergaul dengan masyarakat. Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Zaidatol dan Habibah (1998), Buerah et. al. (2012), Muzlifah (2003) dan Sri Mas et. al. (2011) mendapati latihan vokasional mendorong kebanyakan pelatih untuk menjadi usahawan selepas tamat pembelajaran dan latihan. Terdapat hubungan yang positif antara pendidikan vokasional dengan kejayaan usahawan (Zaidatol & Habibah, 1997). Terdapat beberapa kajian menunjukka kebanyakan usahawan yang berjaya adalah mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan teknik dan vokasional. Sementara itu, tinggi atau rendah pendidikan formal yang dimiliki seseorang usahawan tidak signifikan mempengaruhi kerjayanya sebagai seorang usahawan (Buerah et. al. 2012; Fauzilah et. al, 2011) tetapi ia sebenarnya terdorong daripada pendedahan latihan keusahawanan yang dapat menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan usahawan disamping membantu membentuk kemahiran mereka dalam perniagaan (Buerah et. al, 2012)

METODOLOGI

Analisis kajian ini adalah terhadap banduan wanita di Penjara Wanita Kajang khususnya peserta bengkel Amanah dan Perusahaan untuk melihat sejauh mana keberkesananan program latihan vokasional ini dapat mengubah sikap banduan menjadi warga yang lebih baik serta menarik minat banduan untuk menceburi bidang keusahawanan apabila dibebaskan nanti. Pemilihan Penjara Wanita Kajang ini adalah kerana kepelbagaian bengkel yang dianjurkan serta penyertaan banduan yang ramai. Persampelan dilakukan secara rawak mudah dan borang soal selidik diedarkan melalui bantuan pegawai penjara dan pihak-pihak yang berkaitan. Borang soal selidik yang mengandungi 6 soalan demografi dan 15 soalan pemboleh ubah yang merangkumi 3 faktor ke atas 107 individu pelbagai jenis kaum dan warganegara. Soalan tersebut dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A; latar belakang responden. Bahagian B; pandangan banduan terhadap program keusahawanan yang dijalankan. Bahagian C; Minat untuk menerima bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kesemua soalan di bahagian B yang merupakan pemboleh ubah yang dikaji adalah dalam bentuk skala likert iaitu bernilai 1 sekiranya persepsi responden adalah sangat tidak bersetuju hingga ke nilai 5 iaitu persepsi responden adalah sangat bersetuju.

Spesifikasi Model Regresi Logistik: Analisis regresi logistik akan digunakan untuk melihat apakah faktor penentu kebarangkalian yang mempengaruhi keberkesanan program latihan vokasional. Memandangkan pemboleh ubah bersandar berbentuk binari dan pada masa yang sama terdapat pemboleh ubah bebas yang digunakan berbentuk dami maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model regresi logistik. Oleh itu, kajian ini akan mengaplikasikan satu model berdasarkan kajian Hairunnizam et al. (2012). Ini adalah kerana model tersebut mempunyai banyak persamaan dengan kajian ini dalam menganggarkan pemboleh ubah bersandar yang berbentuk binari dan terdapat pemboleh ubah bersandar yang berbentuk dami. Oleh itu model yang dianggarkan secara umumnya dalam kajian ini adalah seperti berikut :

$$K_i = E \left(Y = \frac{1}{1 + e^{-\beta_0 - \beta_1 X_1 - \beta_2 X_2 - \dots - \beta_i X_i}} \right) \quad (1)$$

Dimana:

K_i adalah keberkesanan program latihan vokasional di Penjara Wanita Kajang dimana bagi, $Y=1$ untuk program latihan vokasional memberi kesan kepada banduan prestasi yang memuaskan dan usahawan yang membayar zakat perniagaan dan $Y=0$ program latihan vokasional tidak memberi kesan kepada banduan. Berdasarkan persamaan (1), kajian ini akan menguji beberapa pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi K_i iaitu:

$$K_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (2)$$

Dimana K_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pemboleh ubah bebas yang dijangkakan iaitu tahap pendidikan, jenis bengkel, tempoh pengalaman latihan vokasional, usahawan sebelum ke penjara, perubahan sikap ketika di penjara dan minat terhadap bidang keusahawanan. Kesemua pemboleh ubah tersebut dikaji merujuk kepada beberapa kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Kesemua pemboleh ubah dalam persamaan (2) akan diuji untuk menentukan manakah pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi keberkesanan program latihan vokasional di penjara wanita Kajang. Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden adalah bukan warganegara iaitu sebanyak 71.4 peratus dan berlatarkan pendidikan sehingga SPM iaitu 39 peratus, mengikuti bengkel makanan 28.6 peratus, peserta bengkel perusahaan sebanyak 60 peratus, mempunyai pengalaman bekerja di bengkel kurang dari 3 bulan dan tidak pernah mempunyai pengalaman sebagai peniaga sebelum ke penjara 65.7 peratus. Dengan anjuran bengkel keusahawanan ini dijangkakan dapat menarik minat mereka untuk menjalankan perniagaan sendiri selepas dibebaskan.

HASIL KAJIAN

Jadual 2 pula menunjukkan status keberkesanan program penjara, perubahan sikap banduan dan tanggapan terhadap keusahawanan di Penjara Wanita Kajang. Kajian mendapati 74 peratus program latihan berkesan, 73.5 peratus sikap banduan berubah dan 72.4 peratus responden berminat terhadap bidang usahawan. Keputusan juga mengenalpasti bahawa program latihan dikatakan tidak berkesan sebanyak 26 peratus manakala 27 peratus responden tidak minat terhadap keusahawanan. Hal ini mungkin kerana terdapat responden yang menyertai bengkel latihan tidak berminat terhadap aktiviti vokasional. Oleh itu, pihak penjara wanita perlu mengenalpasti dan menyalurkan mereka kepada aktiviti yang lebih sesuai dengan mereka.

Jadual 3 menunjukkan klasifikasi model yang menunjukkan kesahan jawapan oleh banduan. Secara keseluruhannya lebih 62 peratus disahkan jawapan banduan adalah betul. Tahap peratusan betul keseluruhan yang tertinggi iaitu sebanyak 86.8 peratus. Ini menunjukkan jawapan yang diberikan adalah disahkan benar dan amat sesuai untuk dianalisis. Berdasarkan Jadual 4, model dibentuk dan dianalisis menggunakan analisis regresi logistik⁵. Keputusan analisis regresi mendapati kebarangkalian responden yang terlibat dalam bengkel amanah akan meningkatkan keberkesanan program latihan vokasional sebanyak 407 peratus manakala kebarangkalian responden yang pernah menjadi usahawan sebelum ke penjara pula akan meningkatkan keberkesanan program latihan vokasional sebanyak 357 peratus. Sementara itu, 1 unit peningkatan dalam perubahan sikap ketika di penjara akan meningkatkan kebarangkalian keberkesanan program latihan vokasional terhadap responden sebanyak 268 peratus. 1 unit peningkatan minat terhadap bidang keusahawanan akan meningkatkan kebarangkalian keberkesanan program latihan vokasional terhadap responden sebanyak 1811 peratus. Hasil kajian

⁵ Penerangan nilai koefisien menggunakan kaedah berikut: $[\text{Nilai Exp } B - 1] \times 100$ (Gujerati, 1995)

menunjukkan tiga pemboleh ubah yang signifikan iaitu jenis bengkel, perubahan sikap ketika dipenjarakan dan minat terhadap bidang keusahawanan dimana pemboleh ubah tersebut berhubung secara positif dan signifikan pada aras keertian 10 peratus. Ujian padanan model yang menggunakan kaedah Hosmer and Lameshow mencatatkan nilai Chi-square sebanyak 3.356 ($\text{sig}=0.910$) dengan 8 darjah kebebasan. Kedudukan ini menunjukkan bahawa model mempunyai padanan yang baik. Manakala nilai R^2 menunjukkan variasi kesemua pemboleh ubah dalam lingkungan sekitar 42.5 peratus sehingga 61.5 peratus. Hasil kajian ini jelas menunjukkan beberapa pemboleh ubah yang signifikan dan perlu di beri perhatian oleh Penjara Wanita Kajang sekiranya ingin menambahbaik institusi kepenjaraan.

Berdasarkan Jadual 5 dan Jadual 6, jelas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara minat menjadi usahawan serta minat menerima bantuan modal zakat dengan bentuk bengkel yang dihadiri banduan iaitu samada bengkel perusahaan dan bengkel amanah. Kajian ini mendapati banduan yang terlibat dengan bengkel keusahawanan amanah adalah lebih besar kecenderungan untuk menjadi usahawan dan seterusnya berminat ingin meneruskan aktiviti keusahawanan selepas mereka keluar daripada penjara dan berminat untuk mendapatkan bantuan modal zakat daripada LZS. Perubahan sikap ini adalah positif dan diharapkan bekas banduan dapat menjalani kehidupan yang baru dengan lebih bermakna di bawah 'payung' LZS.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Perubahan sikap banduan ke arah yang lebih positif merupakan matlamat utama pihak penjara supaya dapat mengurangkan kadar kemasukan semula banduan tersebut. Selaras dengan itu diharapkan agar penganjuran program keusahawanan dapat meningkatkan kemahiran dan secara tidak langsung menjadi bekalan yang boleh digunakan di luar nanti.⁶ Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden dari bengkel amanah (mahir) lebih cenderung untuk meneruskan kerjaya sebagai usahawan berbanding responden daripada bengkel perusahaan (latihan). Ini jelas menunjukkan responden yang menyertai bengkel perusahaan (latihan) mempunyai motivasi yang lebih rendah untuk menjadi usahawan kerana kurang keyakinan disebabkan mereka masih di dalam fasa pembelajaran. Bagi responden bengkel amanah (mahir) ini meneruskan kerjaya sebagai usahawan dapat membantu mereka membuat kebajikan kepada masyarakat disamping menyara keluarga dengan hasil yang diperolehi. Ini menunjukkan perubahan yang positif terhadap perancangan masa depan banduan tersebut. Ini bersesuaian dengan kajian Zainuddin & Farhana Salwa (th) yang menyatakan latihan vokasional yang dijalankan di penjara ini dapat meningkatkan kemahiran banduan untuk bersikap lebih positif, dapat bekerja dengan orang lain dan meningkatkan rasa tanggungjawab dalam diri mereka.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan banduan berasa lebih yakin untuk menjadi usahawan dengan adanya bantuan daripada pihak LZS. Ini menunjukkan mereka yakin dengan keberkatan sumber yang diperolehi selari dengan pandangan kajian (Hairunnizam, Sanep & Radiah) yang menyatakan faktor keagamaan memberi kesan kepada kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan yang lebih positif dan akhirnya mengubah gaya hidup seseorang dalam jangka masa panjang. Oleh itu, kajian ini akan mencadangkan pemberian bantuan modal daripada Lembaga Zakat Selangor kepada golongan ini supaya golongan ini tidak disisihkan daripada masyarakat berikutan kesukaran mereka mendapatkan bantuan untuk meneruskan kehidupan di luar. Diharapkan juga walaupun mereka tidak berjaya menjadi seorang usahawan berjaya tetapi sekurang-kurangnya bantuan modal yang diberikan dapat memenuhi tuntutan maqasid shariah dan mendidik mereka menjadi insan yang kaya jiwa walaupun tanpa harta yang banyak. Kajian mendapati faktor demografi jenis bengkel yang disertai responden berhubung positif dan signifikan terhadap keberkesanan program latihan vokasional di Penjara Wanita Kajang. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden dari Bengkel Amanah (mahir) lebih cenderung untuk meneruskan kerjaya sebagai usahawan berbanding responden daripada Bengkel Perusahaan (latihan). Ini jelas menunjukkan responden Bengkel Amanah (mahir) berminat untuk meneruskan kerjaya sebagai usahawan dimana kemahiran yang dipelajari dapat membantu mereka membuat kebajikan kepada masyarakat disamping menyara keluarga dengan hasil yang diperolehi.

Disamping itu, hasil menunjukkan faktor minat terhadap bidang keusahawanan berhubung secara positif dan signifikan dimana ia juga merupakan faktor yang perlu ditekankan oleh Penjara Wanita Kajang. Kajian ini selaras dengan kajian lepas (Zaidatol dan Habibah; 1998), (Buerah et. al. 2012), (Yurfiza dan Nurhayati;), dan (Sri Mas et. al. 2011) mendapati latihan vokasional mendorong kebanyakan pelatih untuk menjadi usahawan selepas tamat pembelajaran dan latihan. Secara tidak

⁶ PKP Wan Ramzan bin Wan Ahmad, Bahagian Pengurusan Banduan, Seksyen Vokasional dan Industri Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Temubual pada 24 April 2015.

langsung hasil dapatan kajian adalah bertepatan dengan matlamat program latihan vokasional iaitu untuk melahirkan banduan yang boleh hidup berdikari selepas dibebaskan. Ini bersesuaian dengan kajian Zainuddin & Farhana Salwa (2008) yang menyatakan latihan vokasional yang dijalankan di penjara ini dapat meningkatkan kemahiran banduan untuk bersikap lebih positif, dapat bekerja dengan orang lain dan meningkatkan rasa tanggungjawab dalam diri mereka.

Antara cadangan yang difikirkan sesuai adalah Jabatan Penjara Malaysia perlu terus memantau bekas banduan yang telah dibebaskan dengan mewujudkan peluang pekerjaan ataupun perniagaan agar mereka dapat mengekalkan prestasi dari semasa ke semasa. Menurut Zainuddin dan Farhana (2008), golongan banduan adalah golongan yang terlatih dan mempunyai kemahiran bekerja dengan baik setelah mereka menjalani latihan vokasional. Oleh itu, jabatan penjara boleh menganjurkan beberapa program keusahawanan kepada bekas banduan yang berpotensi contohnya, projek usahawan berkelompok dengan menubuhkan bengkel di luar tembok penjara yang mana mereka diberikan gaji berdasarkan kerja yang mereka hasilkan ataupun menyediakan tempat untuk mereka berniaga secara kecil-kecilan serta membantu memasarkan produk yang dihasilkan. Walaupun golongan tidak berjaya menjadi seorang usahawan berjaya tetapi sekurang-kurangnya usaha yang dicadangkan dapat memenuhi tuntutan maqasid shariah dan mendidik mereka menjadi insan yang kaya jiwa walaupun tanpa harta yang banyak. Kedua, pihak penjara wanita perlu mengenalpasti banduan yang tidak berminat terhadap aktiviti vokasional dan menyalurkan mereka kepada aktiviti yang lebih sesuai. Jika mereka dibiarkan menyertai latihan tersebut dibimbangi program pemulihan tidak memberi kesan kepada mereka untuk menjadi insan yang baik dan produktif.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan banduan yang ingin menjadi usahawan selepas bebas dari penjara berminat untuk menerima bantuan modal daripada Lembaga Zakat Selangor. Menurut Khairani et al (2015), suntikan modal daripada pihak LZS menunjukkan mereka yakin dengan keberkatan sumber yang diperolehi. Hal ini selari dengan pandangan kajian (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009) yang menyatakan bahawa faktor keagamaan memberi kesan kepada kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan yang lebih positif dan akhirnya mengubah gaya hidup seseorang dalam jangka masa panjang. Kajian mencadangkan agar pihak LZS memberi bantuan modal kepada golongan ini bagi tujuan memajukan diri. Disamping itu, pihak LZS perlu sentiasa membuat pemantauan dan menganjurkan program motivasi secara berkala supaya golongan ini tidak akan lalai serta dalam menjalankan amanah yang diberikan. Diharapkan mereka tidak disisihkan daripada masyarakat dan dapat menjalani kehidupan normal seperti masyarakat lain.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat berjaya menemui satu jawapan yang bermakna kepada pihak Jabatan penjara dan LZS. Pertamanya persepsi banduan terhadap program keusahawanan yang dilaksanakan di penjara adalah berkesan dan program ini telah menarik dan memupuk minat mereka terhadap bidang keusahawanan. Keduanya harapan kajian ini agar minat terhadap bidang keusahawanan dapat diteruskan lagi sebagai satu kerjaya baru selepas keluar dari penjara dan peranan LZS amat penting pada tahap ini. Bekas banduan perlu diberi bimbingan kerohanian yang tinggi serta bimbingan keusahawanan yang kuat agar mereka dapat berubah ke arah menjadi warga baik dan dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat. Satu mekanisme pengagihan dana zakat perlu wujudkan secara khusus untuk memulihkan bekas banduan ini agar kejayaan bantuan ini dapat diterjemahkan kepada lahirnya usahawan bekas banduan yang berjaya dalam aspek dunia mahupun akhirat. Kejayaan ini amat bermakna kerana kesan keberkatan dana zakat yang dibayar oleh pembayar zakat telah berjaya mengubah bukan sahaja asnaf tradisional fakir dan miskin malah berjaya mengubah asnaf *al-riqab* menjadi pembayar zakat pada suatu hari nanti. Dana zakat ini akhirnya diharapkan bukan sahaja dapat membasmi kemiskinan harta malah dapat membasmi kemiskinan jiwa dan membebaskan manusia daripada belenggu gejala negatif dalam aspek moral dan akhlak. Ini akan memastikan kelestarian pertumbuhan ekonomi negara yang juga disumbangkan oleh faktor ketinggian jiwa dan akhlak para penduduknya.

RUJUKAN

- A. Halim A. Bakar, Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad. (2014). Pembayaran Zakat Perniagaan Dan Imej Korporat Usahawan Muslim: Satu Kajian Awal Di Daerah Sepang, Selangor. Proceedings of SMEKI 2014, International Conference Muamalat, Economics & Islamic Finance. pp 220-240.

- Ab. Mumin Ab Ghani & Suhaili Sarif (2005). Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam masyarakat Islam. Seminar Keusahawan Islam Peringkat Kebangsaan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Abdul, M.A.G., & Suhaili. S. (2005). Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam masyarakat Islam. Seminar Keusahawan Islam Peringkat Kebangsaan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Aziz, Y., & Jasemin. (2011). Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah laku Di Taman Seri Putri Batu Gajah Dan Kompleks Dar-Assa'adah. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.
- Azman Ab Rahman et. al. (2014). Keberkesanan Program Usahawan Asnaf oleh Institusi Zakat Dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic. Kuala Lumpur.
- Buerah, & Hussin. (2012). Pengaruh Faktor-Faktor Demografi Terhadap Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Muslim. *Jurnal Kemanusiaan*. Bil. 20.
- Fauzilah, Noryati, & Mazuri. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Jualan Peniaga Pasar Malam. Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Gujerati, D.N (1995). *Basic Econometrics*. 3rd Edition. Singapore: McGraw-Hill
- Hairunnizam W., & Radiah A.K. (2010). Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amil and Zakat Recipients. in Abdul Ghafar et.al (edt.) Proceedings of Seventh International Conference. The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy. pp. 461-484
- Hairunnizam W., Sanep A., & Radiah A.K. (2009). Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin
- Hairunnizam Wahid & Radiah Abdul Kader. (2010). Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amil and Zakat Recipients. in Abdul Ghafar et.al (edt.) Proceedings of Seventh International Conference. The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy. pp. 461-484
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abd Kader. Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin
- Hassan. (2007). Faktor-Faktor Yang Telah Mendorong Graduan Dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan. *Laporan Akhir Penyelidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Khairani, Ima M., Hairunnizam. W., & Sanep, A. (2015). Cadangan Bantuan Zakat Asnaf Al-Riqab Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian Di Penjara Wanita Kajang, Selangor. Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Fiqh Semasa (Sefis) 2015, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Kusnin, K. (1978). Majalah Penjara. Diterbitkan oleh Jabatan Pegawai-Pegawai Penjara Semenanjung Malaysia
- Mahadi Mohammad & Wan Mohamad Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2013). Falsafah pengagihan Zakat Menurut Islam. Unisza Terengganu.
- Muhd, R., & Muhd, F. (2011). Pengharapan Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Vokasional Di Pusat Serenti Tampoi, Johor. *Journal Of Education And Counselling* Volume 2. Pages 209-243.
- Muzlifah. (2003). Kecenderungan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Perhebat Di Kolej Komuniti. *Laporan Projek Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Mara.
- Nurul, F.M.A., & Dzufi, I.I. (2011), Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang Keusahawanan Sebagai Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Vokasional.
- Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2008). Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Bangi
- Rosbi, A.R., Sanep, A., & Hairunnizam, W. (2008). Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Bangi.
- Sanep Ahmad (2009). Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat. Prosiding PERKEM IV. Kuantan Pahang.
- Sanep Ahmad (2009). Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat. Prosiding PERKEM IV. Kuantan Pahang.
- Siti, S. (2008). Tahap Keyakinan Banduan Yang Menjalani Program Perusahaan Dan Vokasional Di Penjara Kajang Untuk Hidup Berdikari Selepas Dibebaskan. Universiti Teknologi Malaysia. *Laporan Projek Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Mara.
- Siti, Z. (2007). Keberkesanan Program Pemulihan Latihan Kemahiran Vokasional Ke Atas Banduan-Bantuan Sabitan Di Penjara Sungai Buloh, Selangor. Universiti Teknologi Malaysia. *Laporan Projek Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Mara.

- Sri, M.Z., Rohana, & Amimudin, U. (2011). Keusahawanan Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) Di Malaysia. *Journal of Edupres*. Volume 1 September 2011. Pages 209-213.
- Wan, R., & Najibah. (2011). Isu Dalam Penahanan Dan Pemulihan Banduan Di Malaysia. *Kajian Yang Meliputi Temu Bual Dan Pemerhatian Dilakukan Pada 28 Mac Hingga 1 April 2011 Di Kompleks Penjara Wanita Kajang*.
- Yufiza, & Norhayati. (2014). Kecenderungan Kerjaya Keusahawaan Dalam Kalangan Pelajar PERHEBAT Di Kolej Komuniti.
- Zaidatol, A.L.P., & Habibah. (1997). Keusahawanan dan Motivasi Diri. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainuddin Abu Bakar & Farhana Salwa Salihuddin. Tahap Kemahiran "Employability" Banduan Pra Bebas Di Kompleks Penjara Kluang, Johor.
- Zainuddin, A.B., & Farhana, S.S. (2008). Tahap Kemahiran "Employability" Banduan Pra Bebas Di Kompleks Penjara Kluang, Johor.

JADUAL 1: Demografi Responden

Item	Peratusan(%)
Bangsa	
Melayu	14.3
Cina	7.6
India	6.7
Bukan warganegara	71.4
Tahap Pendidikan	
Tidak Bersekolah	29.5
UPSR/PMR/SPM	39.0
Sijil	11.4
Diploma/STPM	11.4
Sarjana Muda ke atas	5.7
Produk Penjara Yang Dihasilkan	
Jahitan	24.8
Batik	12.4
Bakeri	5.7
Makanan	28.6
Kraftangan	12.4
Dobi	12.4
Jenis Bengkel	
Perusahaan	60.0
Amanah	35.2
Tempoh Pengalaman Latihan Vokasional	
Kurang 3 bulan	42.9
3 bulan hingga setahun	23.8
Lebih setahun	30.5
Usahawan sebelum ke penjara	
Pernah	32.4
Tidak Pernah	65.7

JADUAL 2: Keberkesanan proram latihan vokasional, perubahan sikap banduan dan minat terhadap bidang keusahawanan

Item	Status	Peratusan(%)
1. Keberkesanan program latihan vokasional	Berkesan	74
	Tidak berkesan	26
2. Perubahan sikap banduan	Berubah	73.5
	Tidak berubah	26.5
3. Minat terhadap keusahawanan	Berminat	72.4
	Tidak berminat	27.6

JADUAL 3: Klasifikasi Regresi Logistik

		Diramalkan	
		Berkesan	Tidak berkesan
Pemerhatian	Berkesan	62	4
	Tidak berkesan	8	17

Nota: Nilai batasan adalah 0.500

Peratusan Betul: berkesan= 93.9 %; tidak berkesan = 68%; keseluruhan = 86.8%

JADUAL 4: Hasil Regresi

Item	Nilai Koefisien (B)	Exp Koefisien (B)	Statistik Wald
Konstan/ Intersep	16.291	.000	13.012
Tahap Pendidikan (<i>tinggi/rendah</i>)(1)	.120	1.128	.014
Jenis Bengkel (1)	1.625*	5.077	3.306
Tempoh Pengalaman Latihan Vokasional	-.653	.520	1.661
Usahawan sebelum ke penjara (1)	1.521	4.577	2.323
Perubahan sikap ketika di penjara	1.305*	3.686	2.845
Minat terhadap bidang keusahawanan	2.950*	19.114	13.436
Hosmer and Lemeshow Test (χ^2)		3.356 ^{ns}	
Cox & Snell R ²		.425	
Nagelkerke R ²		.615	

Nota: (1) pemboleh ubah dami

^{ns} tidak signifikan

* Signifikan pada aras keertian 10%

JADUAL 5: Minat Menjadi Usahawan

Bengkel	Minat menjadi usahawan		Jumlah
	Ya	Tidak	
Perusahaan	19 (42.2)	8 (88.9)	27 (50.0)
Amanah	26 (57.8)	1 (11.1)	27 (50.0)
Jumlah	45 (100.0)	9 (100.0)	54 (100.0)

Nota : () peratusan daripada jumlah keseluruhan

χ^2 signifikan pada aras keertian 1%

Jadual 6: Minat menerima bantuan modal LZS

Bengkel	Minat menerima bantuan LZS		Jumlah
	Ya	Tidak	
Perusahaan	13 (39.4)	11 (64.7)	24 (48.0)
Amanah	20 (60.6)	6 (35.3)	26 (52.0)
Jumlah	33 (100.0)	17 (100.0)	50 (100.0)

Nota : () peratusan daripada jumlah keseluruhan
 χ^2 signifikan pada aras keertian 10%